

AYUH SERTAI !

KONTINJEN PIKM PERBARISAN HARI KEBANGSAAN 2026

PIKM membuka peluang kepada
PENGAWAL KESELAMATAN
daripada syarikat ahli PIKM
untuk menyertai
KONTINJEN PIKM
sempena
PERBARISAN HARI KEBANGSAAN 2026



31 OGOS 2026
Perbarisan Hari
Kebangsaan



**DATARAN
PUTRAJAYA**

KRITERIA PESERTA



Warganegara Malaysia



Lelaki



Umur 21 - 45 tahun



Tinggi minimum 165cm



BMI tidak melebihi 28

- Berpenampilan kemas & segar
- Cergas & sihat serta bebas daripada penyakit kronik
- Mempunyai asas kawad kaki (CSG/Bekas Tentera/Polis diberi keutamaan)
- Komited menghadiri latihan, raptai & hari perbarisan (15 hari keseluruhannya)
- Mendapat pelepasan majikan



**MAKSIMUM
Dua (2)
Penyertaan**
daripada setiap
syarikat ahli



Hantar
penyertaan
melalui borang
atas talian



Tarikh tutup
penyertaan
20 JULAI 2026



Semua kos
penyertaan
ditanggung
sepenuhnya
oleh PIKM





PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD
UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ.
ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM
ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K.
SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD
RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
IEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(27)

9 JULAI 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-27/2026: **JEMPUTAN MENYERTAI PERBARISAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2026**

Untuk makluman semua Ahli, Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) akan menyertai perarakan Hari Kebangsaan Tahun 2026 di bawah Komponen Ekonomi.

2. Sehubungan dengan itu, PIKM kini sedang membuat perancangan serta persiapan awal bagi penyertaan Kontinjen PIKM dalam acara tersebut yang akan diadakan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2026.

3. Bagi menjayakan penyertaan ini, PIKM dengan sukacitanya mempelawa Ahli PIKM untuk mencalonkan personel yang berkelayakan bagi menyertai Kontinjen PIKM dalam Perbarisan Hari Kebangsaan Tahun 2026. Kriteria peserta adalah seperti yang berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Personel keselamatan yang sedang berkhidmat dengan syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan;
- Lelaki;
- Berumur antara 21 hingga 45 tahun;
- Berketinggian sekurang-kurangnya 165sm;
- Mempunyai *Body Mass Index* (BMI) tidak melebihi 28;
- Berketerampilan kemas dan segar;
- Cergas dan bebas daripada penyakit kronik seperti asma tegar, penyakit jantung, tekanan darah tinggi yang tidak terkawal, atau masalah sendi/lutut kronik;
- Keutamaan diberikan kepada anggota yang sudah mempunyai asas kawat kaki yang baik seperti bekas tentera/polis, atau personel keselamatan yang telah menghadiri kursus *Certified Security Guard* (CSG);
- Mempunyai rekod kehadiran yang cemerlang memandangkan latihan perbarisan Hari Kebangsaan memerlukan komitmen masa yang tinggi;
- Sanggup hadir kesemua sesi latihan, raptai dan hari sebenar perbarisan yang ditetapkan (sila rujuk **LAMPIRAN 1**); dan
- Mendapat kebenaran serta pelepasan majikan.

4. Penyertaan personel dalam Kontinjen PIKM menuntut komitmen, disiplin serta ketahanan fizikal dan mental yang tinggi bagi memastikan kelancaran sepanjang latihan dan pelaksanaan perbarisan. Oleh yang demikian, Ahli disarankan supaya hanya mencalonkan personel yang benar-benar memenuhi kriteria, berkelayakan dan bersedia memberikan komitmen sepenuhnya.
5. Semua pencalonan akan melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Kecil PIKM bagi menentukan kelayakan peserta untuk diserapkan ke dalam Kontinjen PIKM. Keputusan Jawatankuasa Kecil PIKM berhubung perkara ini adalah muktamad.
6. Sehubungan itu, Ahli adalah dipohon untuk melengkapkan borang maklumat peserta yang dicalonkan melalui pautan <https://forms.gle/vRqnfxyznKZtK7FYT7> selewat-lewatnya pada 20 Julai 2026.
7. Untuk makluman, semua elaun peserta dan kos yang berkaitan dengan penyertaan Kontinjen PIKM dalam acara ini akan ditanggung sepenuhnya oleh PIKM.
8. Semua peserta yang terpilih menyertai Kontinjen PIKM juga diminta untuk menyediakan kelengkapan secukupnya seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 2**.
9. Kerjasama dan sokongan daripada semua Ahli amatlah dihargai bagi memastikan penyertaan Kontinjen PIKM dapat dilaksanakan dengan jayanya. Penyertaan ini bukan sahaja akan memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2026, malah menjadi platform untuk memperkukuh imej serta hubungan industri keselamatan swasta dengan masyarakat serta agensi kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT

b.p: Presiden PIKM

LAMPIRAN 1

**JADUAL PROGRAM KONTINJEN PERBARISAN PIKM SEMPENA HARI
KEBANGSAAN TAHUN 2026**

PERKARA	TARIKH	MASA	LOKASI
Latihan Pusat	3 – 7 Ogos 2026 (Isnin – Jumaat)	8:00 Pagi – 12:30 Tgh	Kem Kajang Utama (21 Skuadron RAJD) 43000, No.49, Jalan Seksyen 1/28, Taman Kajang Utama, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Penyelarasan Latihan Komponen Ekonomi	18 – 20 Ogos 2026 (Selasa – Khamis)	7:30 Pagi – 12:00 Tgh	Stadium Merdeka Jalan Stadium, Presint Merdeka 118, 50118 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (Berkumpul di Kem Kajang Utama)
Raptai Skeleton dan Raptai Penuh	26 – 29 Ogos 2026 (Rabu – Sabtu)	6:30 Pagi – 3:00 Petang	Dataran Putrajaya Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya. (Berkumpul di Kem Kajang Utama)
Persiapan Akhir	30 Ogos 2026 (Ahad)	<i>TBC</i>	
Perbarisan Hari Kebangsaan Tahun 2026	31 Ogos 2026 (Isnin)	3:00 Pagi – 12:00 Tgh	

LAMPIRAN 2**SENARAI KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN PESERTA KONTINJEN PERBARISAN
PIKM SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2026**

PERKARA	KELENGKAPAN YANG WAJIB DISEDIAKAN OLEH PESERTA / SYARIKAT	KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN YANG AKAN DISEDIAKAN OLEH PIKM
Latihan Pusat (3 – 7 Ogos 2026)	• Track bottom • Kasut sukan • Kelengkapan peribadi	• T-shirt PIKM (2 helai) • Makanan & minuman
Penyelarasan Latihan Komponen Ekonomi (18 – 20 Ogos 2026)	• Baju leher berkolar • Track bottom • Kasut sukan • Uniform lengkap dan kemas • Kelengkapan peribadi • Persalinan menginap	• Makanan & minuman • Penginapan • Pengangkutan
Raptai Skeleton dan Raptai Penuh (26 – 29 Ogos 2026)	• Baju leher berkolar • Track bottom • Kasut sukan • Uniform lengkap dan kemas • Kelengkapan peribadi • Persalinan menginap	• Makanan & minuman • Penginapan • Pengangkutan
Persiapan Akhir (30 Ogos 2026)		
Perbarisan Hari Kebangsaan Tahun 2026 (31 Ogos 2026)		• Makanan & minuman • Pengangkutan • Uniform lengkap khas untuk perbarisan